

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

WARGA BANK ISLAM TURUN PADANG SERTA HARI AMAL BANK ISLAM 2019 DI SELURUH NEGARA RM200,000 Diperuntukkan Untuk Aktiviti AMAL di Seluruh Negara

RANAU, Sabtu, [19 Oktober 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) menganjurkan Hari AMAL Bank Islam 2019 hari ini. Program ini merupakan satu inisiatif tanggungjawab korporat yang melibatkan sukarelawan warga Bank Islam termasuk ahli Pengurusan untuk turun padang melakukan kerja-kerja kebajikan dan menyampaikan sumbangan. Ia dilaksanakan secara serentak di 15 lokasi di seluruh negara dengan tujuan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan memelihara alam sekitar di samping menggalakkan semangat kesukarelawanan di kalangan warga kerja Bank Islam serta mewujudkan keseimbangan kehidupan dan kerja.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed, “Hari AMAL Bank Islam 2019 ini merupakan kali ketiga diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 2017. Untuk tahun ini kami menyediakan peruntukkan sejumlah RM200,000 di mana lebih RM100,000 adalah dari dana zakat dan RM27,000 untuk aktiviti pemeliharaan alam sekitar serta RM73,000 adalah peruntukan khusus untuk Hari AMAL. Kami menganggarkan lebih dari 861 warga Bank Islam di seluruh negara, termasuk ahli pengurusan serta 250 orang sukarelawan lain akan turun padang melakukan kerja-kerja kebajikan di 15 lokasi. Seramai 2,471 penerima manfaat yang terdiri dari individu dan institusi akan disantuni sepanjang Hari AMAL ini. Secara keseluruhannya, sejumlah 6,666 jam diluahkan oleh semua sukarelawan untuk menjayakan program Hari AMAL kali ini”.

Di negeri Sabah, Hari AMAL Bank Islam dilaksanakan di Rumah Anak Yatim Miskin Kampung Silad, Ranau, menyaksikan seramai 40 sukarelawan Bank Islam yang diketuai oleh Puan Maria Mat Said, Ketua Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Bank Islam gotong-royong membersihkan kawasan sekitar dalam dan luar rumah anak yatim tersebut.

Di samping itu, Bank Islam bekerjasama dengan sebuah syarikat yang mengeluarkan barangan kebersihan penjagaan peribadi wanita iaitu Athena Holdings Sdn. Bhd. (Athena Empowers) untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu berkenaan penjagaan kesihatan haid, kebersihan diri dan penggunaan barangan peribadi wanita yang selamat dan sihat seperti tuala wanita boleh basuh. Selain menyampaikan sumbangan tuala wanita boleh basuh (*washable pad kits*) kepada penghuni perempuan, Bank Islam juga turut menyampaikan sumbangan zakat sejumlah RM4,700 kepada 47 orang penghuni rumah anak yatim tersebut.

Hari AMAL 2019 ini adalah sebahagian daripada inisiatif Bank Islam menyokong Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation - VBI*) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai hala tuju strategik industri perbankan Islam seterusnya. Tambahan pula, elemen-elemen inisiatif tanggungjawab korporat Bank Islam seperti Hari AMAL ini adalah untuk mencapai agenda Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals - SDG*) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (“PBB”) yang berikut:

- SDG 3 – Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan
- SDG 4 – Pendidikan Berkualiti
- SDG 5 – Kesaksamaan Jantina
- SDG 17 – Kerjasama Demi Matlamat

Melangkah ke hadapan, Bank Islam akan terus berusaha untuk mencapai lagi matlamat- matlamat SDG yang lain dan ini secara langsung selari dengan hala tuju Bank Islam mementingkan tonggak *Triple Bottom Line* iaitu manusia, planet dan kemakmuran (*people, planet and prosperity*).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 147 cawangan dan lebih daripada 1100 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---